



**KOPERASI KEDAI BUKU  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
BERHAD**

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

**MESYUARAT  
AGUNG  
TAHUNAN KE-26**

RABU 24 OKTOBER 2001  
JAM 3.00 PETANG

DI DEWAN KULIAH SK 2  
PUTAT PENGAIJIAN SAINS KEMASYARAKATAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



**KOPERASI KEDAI BUKU  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
BERHAD**

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

**MESYUARAT  
AGUNG  
TAHUNAN KE-26**

RABU 24 OKTOBER 2001  
JAM 3.00 PETANG

DI DEWAN KULIAH SK 2  
PUSAT PENGAJIAN SAINS KEMASYARAKATAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**PERHATIAN**

- 1- SILA BAWA KAD KEAHlian BERSAMA-SAMA TUAN/PUAN HANYA AHLI YANG MENUNJUKKAN KAD KEAHlian ATAU MENDAPAT PENGESAHAN DARIPADA KAUNTER PENDAFTARAN SAHAJA DIBENARKAN MASUK KE DEWAN MESYUARAT
- 2- PASTIKAN ANDA MENDAPATKAN KUPON KEHADIRAN BERNILAI RM 50.00 DARI MEJA PENDAFTARAN KEHADIRAN. KUPON INI SAH UNTUK PEMBELIAN DI KEDAI BUKU, KEDAI MAHASISWA, KEDAI FARMASI ATAU PEMBELIAN SAHAM SEHINGGA TARikh LUPUT KUPON BERKENaan
- 3- PIHAK PENDAFTAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA TELAH MEMBERI KELEPASAN WAKTU BEKERJA KEPADA ANGGOTA KOPERASI UNTUK MENGHADIRI MESYUARAT INI

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

	MUKA SURAT
<b>Memorendum (Notis) mesyuarat agung ke 26</b>	3
<b>Kenyataan Pengerusi</b>	4
<b>Agenda 1 - Memilih Pengerusi Mesyuarat Agung ke 26</b>	6
<b>Agenda 2 - Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung ke 25</b>	7
<b>Agenda 3.1 - Laporan Lembaga Pengarah</b>	18
<b>Agenda 3.2 - Laporan Jawatankuasa Audit Dalam</b>	22
<b>Agenda 3.3 - Pandangan Ketua Pendaftar</b>	23
<b>Agenda 4 - Laporan dan Akaun</b>	27
<b>Agenda 5 - Mengistihar Dan Meluluskan Cadangan Dividen</b>	57
<b>Agenda 6 - Anggaran Belanjawan</b>	58
<b>Agenda 7 - Memilih Anggota Lembaga Pengarah</b>	59
<b>Agenda 8 - Perlantikan Juruaudit Luar dan Dalam</b>	60
<b>Agenda 9 - Menetapkan Had Maksima Tanggungan Hutang</b>	61
<b>Agenda 10 - Menimbang Dan Meluluskan Skop Dan Had Pelaburan</b>	61
<b>Agenda 11 - Melantik Jawatankuasa Khas Menentusahkan Minit</b>	61
<b>Agenda 12 - Pindaan Undang-undang Kecil</b>	62
<b>Agenda 13 - Hal-hal Lain</b>	63
<b>Borang permohonan ahli</b>	64
<b>Borang kebenaran memotong gaji</b>	65

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD  
(Universiti Sains Malaysia Co-operative Bookshop Limited)  
11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Ruj: UP/CB/AGM26/00

Tarikh: 1 Oktober 2001

Kepada:

Semua anggota  
Koperasi Kedai Buku USM Berhad

Tuan/Puan,

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-26**

1. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-26 akan diadakan pada **24 Oktober 2001 (Rabu)**, Jam: **3.00 petang** di **SK2, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan**, Universiti Sains Malaysia.
2. Sehubungan dengan Mesyuarat Agung Tahunan ini dapat kiranya pihak tuan/puan kembalikan kehadiran tuan/puan untuk penyediaan Jamuan Makan semasa mesyuarat ini.
3. Bagi anggota yang belum menyerahkan gambar, Sila sertakan sekeping gambar untuk pembaharuan kad ahli.
4. Kehadiran tuan/puan diucapkan terima kasih.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah:

(Puan Rashidah Begum)

Setiausaha Lembaga Pengarah

Daripada:

Kepada  
Setiausaha Lembaga Pengarah  
Koperasi Kedai Buku USM Berhad  
Universiti Sains Malaysia

Saya, akan menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-26 Koperasi Kedai Buku USM Berhad, Universiti Sains Malaysia, yang akan diadakan pada **24 Oktober (Rabu)**, jam: **3.00 petang** di **SK2, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan**, Universiti Sains Malaysia.

Sekian, terima kasih.

## **KENYATAAN PENGERUSI**

Assalamualaikum dan selamat sejahtera ,

Bagi pihak Lembaga Pengarah dan staf Koperasi Kedai Buku USM Berhad (KKBUSMB), saya dengan hormat dan sukacitanya mengucapkan "selamat bermesyuarat dan bertemu kembali" kepada semua anggota KKBUSMB sempena Mesyuarat Agung Tahunan ke 26. Mudah-mudahan kita sama-sama meneruskan komitmen dan sumbangan kepada kemakmuran KKBUSMB untuk kebajikan semua dengan menyemarakkan "buy KKBUSMB".

Alhamdulillah, kita dapat melihat dan mengukur prestasi dan tahapan pencapaian perniagaan KKBUSMB sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir pada 30 April 2001. Penjanaan dan pencapaian kewangan untuk tempoh tersebut adalah sangat memberansangkan dengan keuntungan bersih meningkat sebanyak 167.44 % ( RM 421,499.00 berbanding RM 157,610.00 dalam tahun kewangan yang lalu).

Selama dua tahun berturut-turut KKBUSMB mampu membayar 100 % dividen kepada ahli-ahlinya, iaitu pada tahun 1998/99 dan 1999/2000. Indikator ini menunjukkan bahawa prestasi KKBUSMB dari segi perniagaan akar umbinya kian mantap dan teguh. Bagaimanapun mengingatkan iklim ekonomi global dan cabaran perniagaan tempatan yang semakin mencengkam, KKBUSMB menggunakan potensi dan kekuatan yang ada untuk menjana dan memperkasakan kekuatan yang berterusan di masa mendatang.

Menyedari perkhidmatan menjual buku telah menjadi tunggak kepada KKBUSMB maka perniagaan akar umbi ini perlu disuburkan lagi. Proses melebarkan 'segmentation' dan kawasan perkhidmatan adalah pendekatan yang sedang diperaktikkan untuk tujuan ini. Setelah usaha melebarkan perkhidmatan ke kawasan Pantai Timur telah membawa hasil maka KKBUSMB mula mempelbagaikan 'segmentation' pasaran buku. InshaAllah, Kedai buku yang moden yang mengkhususkan jualan buku-buku yang diklasifikasikan sebagai 'trade books' akan seterusnya menjadi kenyataan dalam masa yang terdekat. KKBUSMB sedang berusaha untuk membuka dua Kedai buku yang bercorak 'specific bookshop'. KKBUSMB juga tidak lupa untuk memberikan perkhidmatan yang lebih meluas kepada warga USM dengan mengoperasikan Kedai Mahasiswa di USM Kampus Cawangan Seberang Perai Selatan. Kedai ini telah mula beroperasi secara rasmi pada 20 Ogos 2001. KKBUSMB akan mempertimbangkan proses 'diversify' perniagaan apabila perluasan perniagaan fasa pertama ini membawa hasil.

Untuk menentukan semua perancangan dan strategi perniagaan menjadi mantap maka KKBUSMB sedang giat memperkemaskan organisasi dan mengukuhkan mekanisma perniagaan. Antaranya adalah :

- a) **Pengkalan Data Eletronik yang menyeluruh** melibatkan inventori, POS, jualan kredit, perakaunan dan keahlian telah dipraktikkan. Sistem ini memungkinkan anggota KKBUSMB mudah menyemak status keahlian mereka di samping menikmati ganjaran kumpulan mata apabila membeli barang di KKBUSMB.
- b) **Pengurusan staf yang kukuh** sedang dirangka dengan mewujudkan sistem latihan yang akan melahirkan staf positif, komited, berwawasan dan produktif untuk masa depan.
- c) **Pengasingan antara pentadbiran pusat (HQ) dan pentadbiran outlet perniagaan** akan dilakukan untuk melihat prestasi outlet-outlet perniagaan secara lebih adil dan pengurusan yang lebih cekap.

Akhir sekali saya bagi pihak Lembaga Pengarah dan staf KKBUSMB mengambil kesempatan merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia, anggota-anggota dan pelanggan-pelanggan KKBUSMB.

**Sekian terima kasih**

**PROF. MADYA DR MOHAMAD SUHAIMI JAAFAR**

**Pengerusi Lembaga Pengarah**

MEMILIH PENGERUSI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 26

Menurut Undang-undang Kecil Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad pada Bahagian V (Organisasi Dan Pengurusan Koperasi) Seksyen 32 (1), peruntukan bagi pemilihan Pengerusi Mesyuarat Agung adalah seperti berikut :-

32 (1) Seorang anggota selain daripada anggota Lembaga yang dipilih oleh majlis mesyuarat hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung itu.

Oleh itu mesyuarat diminta memilih seorang Pengurus.

## AGENDA 2

### MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 25 YANG TELAH DIADAKAN PADA 23 OKTOBER 2000.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas untuk menentusahkan Mesyuarat Agung Tahunan ke 25 telah diadakan pada jam 10.00 pagi, 10 November 2000 bertempat di Bilik Kuliah, Pusat Farmasi Koperasi, Koperasi Kedai Buku USM Berhad.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh ahli Jawatankuasa Khas berikut :-

#### HADIR

Profesor Madya Saringat Haji Bate

Profesor Abdul Ghani Salleh

Puan Rashidah Begum

Profesor Madya Azmin Mohd. Noor

Profesor Madya Abdul Fatah Che Hamat

Puan Fatimah Ali

Puan Mumdas Beham Abdul Karim

En. Mohd Rosli Mohd Diah

En Mohamad B. Din

#### TIDAK HADIR DENGAN MAAF

Dr Fatimah Salleh

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke - 25 yang telah ditentusahkan tersebut adalah seperti di Lampiran A

LAMPIRAN A

**KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD**

(Universiti Sains Malaysia Co-operative Bookshop Ltd.)

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-25 yang telah diadakan pada hari Isnin, 23 Oktober 2000, jam 3:00 petang di Dewan Kuliah X, Pusat Pengajian Sains Farmasi, Universiti Sains Malaysia.

Hadir : (Lihat Lampiran B)

Turut Hadir : Encik Elias Bin Jaafar  
Pegawai Ehwal Ekonomi  
Wilayah Timur Laut  
Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang  
Encik Muhamad Amran Abdul Aziz  
Penolong Pengurus (Kedai Buku)  
Koperasi Kedai Buku USM Berhad

(ABM) Encik Sapuan Saharuddin  
Penolong Pengurus (Kedai Mahasiswa)  
Koperasi Kedai Buku USM Berhad

**Kata-kata**

aluan

Pengerusi Lembaga, Profesor Madya Saringat Haji Baie mengalu-alukan kehadiran anggota ke mesyuarat ini dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka kerana yang sudi meluangkan masa untuk menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-25 ini.

Pengerusi juga mengalu-alukan kehadiran Encik Elias Bin Jaafar wakil dari Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang.

Seterusnya Pengerusi memaklumkan bahawa, walaupun koperasi telah memberi kemudahan potongan gaji bulanan kepada anggota untuk menambah modal masing-masing, namun sambutan masih tidak memuaskan. Jumlah anggota yang menyertai skim ini sehingga September 2000 hanya 110 ahli dengan jumlah potongan gaji RM 2,065 sahaja.

Pengerusi menyeru supaya semua ahli menambah modal saham melalui skim ini. Beliau mengingatkan bahawa borang keahlian dan borang kebenaran potongan gaji disediakan di belakang buku Mesyuarat ini.

Pengerusi menyatakan harapan Koperasi agar semua ahli turut memberi sokongan dari segi pembelian di Koperasi Kedai Buku USM Berhad. Koperasi akan memperkenalkan kad keahlian (baru) yang membolehkan di laksanakan sistem pengumpulan mata bagi setiap pembelian oleh ahli dan ini kemudian nya boleh ditukar dengan hadiah-hadiah yang disediakan.

Selanjutnya Pengerusi memaklumkan bahawa Koperasi akan memperluaskan lagi penggunaan Teknologi Maklumat dan telah memperuntukan lebih kurang RM 35,000.00 untuk mengukuhkan lagi sistem komputer dan aplikasinya.

Akhirnya Pengerusi, bagi pihak Koperasi merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan insuran yang telah memberi taklimat mengenai produk-produk mereka sebelum mesyuarat dimulakan seperti berikut :

i) Malaysia British Assurance (MBA).

ii) AMAL Insuran .

ii) Takaful Nasional.

Melantik sudiz 1.  
Pengerusi  
Mesyuarat  
Agung Ke-25

Pengerusi Lembaga memaklumkan bahawa mengikut peraturan mesyuarat, anggota-anggota harus memilih dari kalangan mereka yang hadir seorang anggota untuk mempengerusi Mesyuarat Agung Tahunan ini.

Profesor Madya Saringat Haji Baie (No.0455) telah dicadangkan oleh Y.Bhg.Dato' Senator Chin Fook Weng (No.0240) dan disokong oleh Encik Mohd Rosli Mohd Diah (No.1174).

Mesyuarat telah bersetuju sebulat suara agar Profesor Madya Saringat Haji Baie (No.0455) mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-25 .

Pengesahan 2.  
minit  
mesyuarat yang  
lalu

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-24 yang telah diadakan pada 25 September 1999 telah dibentangkan untuk kelulusan.

Y.Bhg.Dato' Senator Chin Fook Weng (No.0240)  
telah mencadangkan supaya minit mesyuarat ini  
diterima untuk pengesahan . Encik Mohd Rosli  
Mohd Diah (No.1174) menyokong cadangan  
tersebut.

Laporan-Tahunan Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju mengesahkan minit itu.

Laporan-Tahunan 3. Pengurus Mesyuarat telah membentangkan untuk diluluskan Laporan-Laporan Tahunan seperti berikut :

i) Laporan Lembaga Pengarah bagi tempoh 1 Mei 1999 - 30 April 2000.

ii) Mesyuarat meneliti Laporan Jawatankuasa Audit Dalan dan Luar bagi tempoh 1999/2000

iii) Mesyuarat pd meneliti pandangan Ketua Pendaftar Koperasi-Koperasi Malaysia rujukan Bil.JPK (AUDIT) IP:PP-49/3165/5Jld.2/(30) bertarikh 26 Oktober 1999.

Setelah berbincang dengan panjang lebar Puan Nor Jahan Mydin (No.1404) mencadangkan agar laporan-laporan tersebut diluluskan dan disokong oleh Puan Mumdas Beham Bt. Abd.Karim (No.0012)

Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima ketiga-tiga laporan tersebut.

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Juruaudit Dalam dan Luar atas keprihatinan dan kerjasama mereka dalam menjalankan tugas dengan penuh disiplin.

Laporan-Tahunan 4. Pengurus meminta Bendahari Lembaga membentangkan untuk kelulusan Laporan Tahunan Kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 30 April 2000.

Tuan Haji Salim Haji Yunos (No.2304) Pemangku Bendahari telah membentangkan laporan akaun-akaun perniagaan Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad.

Encik Mohamad Bin bin Din (No.1698) ingin mengetahui tentang peruntukan hutang rugu berjumlah RM 128,611.49(Lampiran C, muka surat 8). Bendahari menjelaskan bahawa hutang rugu yang tidak dapat dipungut akan dihapus kira. Bagaimanapun tindakan akan dan sedang diambil untuk mendapat semula pembayaran hutang-hutang tersebut.

Dr Abdul Wahab Bin Jusoh (No.0716) mencadangkan agar laporan tahunan kewangan ini diluluskan dan disokong oleh Encik Zakaria Kassim (No.4564)

Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima laporan tersebut.

Perlantikan Anggota Lembaga

5.

Mesyuarat diberitahu bahawa terdapat lima (5) kekosongan anggota Lembaga Pengarah seperti berikut :

(i) Encik Ainuddin Bahari, Puan Joriah Mohamad dan Y.Bhg.Dato' Senator Chin Fook Weng mengosongkan jawatan bergilir-gilir mengikut Undang-Undang Kecil selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993 (sebagaimana dipinda) dan bersetuju dilantik semula.

Puan Fatimah Ali (No.1119) mencadangkan perlantikan semula ketiga-tiga anggota Lembaga tersebut dan disokong oleh Encik Ahmad Ramli Saad (No.4549).

(ii) Profesor Madya Saringat Haji Baie meletak jawatan atas sebab-sebab tertentu. Mesyuarat dimaklumkan bahawa menurut perenggan 42(a) Akta Undang-Undang Kecil 33 perenggan (a) bahawa jawatan beliau hendaklah diganti oleh seorang ahli farmasi daripada Pusat Pengajian Sains Farmasi

Profesor Madya Dr Wahab Jusoh mencadangkan supaya Profesor Madya Azmin Mohd Nor (No.0462) diterima dan disokong oleh Puan Fatimah Ali (No.1119)

Mesyuarat sebulat suara menerima pencalonan tersebut.

(iii) Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria (No.4212) telah bersara dari Lembaga kerana berpindah ke Kelantan dan tugasnya sedang dipangku oleh Tuan Haji Salim Haji Yunos (No.2304)

Mesyuarat dimaklumkan bahawa untuk kelincinan kerja, pihak Lembaga telah melantik Tuan Haji Salim Haji Yunos (No.2304) untuk meneruskan tugas Behdahari.

Profesor Mashudi Kader (No.0821) mencadangkan supaya Tuan Haji Salim Haji Yunos (No.2304) diterima dan disokong oleh Encik Mohd Rosli Mohd Diah (No.1174).

Mesyuarat sebulat suara menerima perlantikan ini.

Pembahagian keuntungan

6. Pengurus menjelaskan bahawa Lembaga telah mencadangkan untuk memberi bayaran dividen sebanyak 100% bagi tempoh 1 Mei 1999 sehingga 30 April 2000 kepada anggota yang ada namanya dalam Daftar Anggota Koperasi pada 31 Oktober 1999. Walaubagaimanapun pembayaran dividen ini tertakluk kepada kelulusan Jabatan Pembangunan Koperasi dan akan dibayar dalam bentuk saham.

Profesor Mashudi Kader (No.821) mencadangkan supaya pembahagian keuntungan tersebut diterima untuk diluluskan. Puan Fatimah Ali (No.1119) menyokong cadangan tersebut.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan tersebut.

Anggaran Belanjawan

7. Pengurus telah meminta Bendahari membentangkan anggaran belanjawan 2001/2002

Puan Fatimah Ali (No.1119) mencadangkan agar anggaran belanjawan 2001/2002 diterima dan disokong oleh Encik Mohd Rosli Mohd Diah (No.1174).

Mesyuarat sebulat suara meluluskan anggaran belanjawan tersebut.

Pelantikan Juruaudit

8. Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu panel firma Juruaudit Luar perlu dipilih sebagai Juruaudit Luar Koperasi ini.

Pengurus mesyuarat memaklumkan bahawa Juruaudit Luar yang sedia ada seperti berikut :

- (a)Al-Jeffri & Co.
- (b)Iqbal & Associates
- (c)Ahmad Abdullah & Goh

Setelah berbincang mesyuarat bersetuju memilih semula ketiga-tiga firma audit tersebut untuk dipertimbangkan. Profesor Zakaria Mohd Amin (No.0733) mencadangkan pencalonan tersebut dan disokong oleh Mohd Rosli Mohd Diah (No.1174)

Seterusnya mesyuarat telah memilih anggota-anggota Jawatankuasa Audit Dalam.

Pencalonan berikut telah diterima:

(a) Profesor Zakaria Mohd Amin (No. 733)

Dicadang oleh Profesor Mashudi Kader (No. 0821) dan disokong oleh En Zakaria Kassim (No. 45640)

(b) Puan Nor Jahan Mydin (No. 1404)

Dicadang oleh Puan Sharifah Fazilah Bt Syed Abd. Rahman dan disokong oleh Zuraidah Zabidi (No. 4533)

(c) Puan Lee Chow Yong (No. 1215)

Dicadang oleh Encik Mohd Rosli Mahd Diah (No. 1174) dan disokong oleh Zuraidah Zabidi (No. 4533)

Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat tidak perlu mengundi untuk pemilihan anggota Jawatankuasa Audit Dalam kerana hanya tiga (3) anggota diperlukan.

Mesyuarat sebulat suara menerima ketiga-tiga calon di atas.

Menetapkan had 9. maksimum tanggungan

Pengerusi memaklumkan bahawa Lembaga memerlukan had maksimum pinjaman RM 2,000,000.00 untuk kegunaan modal kerja dan cadangan perniagaan lain yang di rancangkan dan meminta kelulusan mesyuarat.

Profesor Mashudi Kader (No. 0821) mencadangkan agar supaya jumlah tersebut diterima dan disokong oleh Puan Fatimah Ali (No. 1119).

Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan penetapan had maksimum tanggungan hutang sebanyak RM 2,000,000.00 tersebut.

Skop dan Had 10. Pelaburan

Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat harus meluluskan skop dan had pelaburan yang boleh dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi.

Profesor Mashudi Kader (No. 0821) mencadangkan

supaya had pelaburan maksimum untuk membeli aset tetap dan saham-saham ditetapkan sebanyak RM 1,000,000.00. Cadangan ini disokong oleh Dr Norhayati Ismail (No.2199).

Setelah berbincang mesyuarat sebulat suara meluluskan cadangan di atas.

Jawatankuasa 11. Pengurus Memaklumkan kepada mesyuarat bahawa satu jawatankuasa Khas terdiri daripada Pengurus Mesyuarat Agung, tiga ahli lembaga dan enam ahli lain perlu dilantik untuk menentusahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan tahun ini.

Setelah berbincang, bersetuju menerima pilihan seperti berikut:

(i) Prof. Madya Saringat Haji Baie selaku Pengurus mesyuarat.

(ii) Ahli Lembaga Pengarah iaitu :

a- Puan Rashidah Begum (No.0305)

b- Profesor Ghani Salleh (No.2300)

c- Profesor Madya Azmin Mohd Nor (No.0462)

telah cadang oleh Y.Bhg.Dato' senator Chin Fook Weng (No.0240) dan disokong oleh Encik Mohd Rosli Mohd Diah (No.1174)

(iii) Mesyuarat seterusnya memilih enam ahli lembaga yang lain seperti berikut :

d-Puan Mumdas Beham Abd.Karim (No.0012)

e-Encik Mohd Rosli Mohd Diah (No.1174)

dicadang oleh Sharifah Fazilah Bt Syed Abd.Rahman (No.0029) dan disokong oleh K.Annanda Shanmugam (No.1522).

f-Mohamad Bin Din (No.863)

dicadang oleh Mohd Rosli Mohd Diah (No.1174) dan disokong oleh Mohamad Nordin Ismail (No.0863)

g-Dr Fatah Sheikh Ahmad (No.3310)

dicadang oleh Ismail Bin Omar (No.0850) dan disokong oleh Prof. Madya Sibly Maros (No. 2558)

**h-Dr Fatimah Salleh (No.2321)**

dicadangkan oleh Puan Fatimah Ali (No.1119) dan disokong oleh Puan Rashidah Begum (No.0305)

i-Puan Fatimah Ali (No.1119)

dicadang oleh Profesor Mashudi Kader (No.0821)  
disokong oleh Zuraidah zabidi (No.4533)  
Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan  
pemilihan ini.

Pindaan Perlembagaan Undang-Undang Kecil  
12. Oleh kerana mesyuarat pada kali ini tidak mendapat kuorum 2/3 dari jumlah keseluruhan ahli, Pengurus telah meminta pandangan Encik Alias Jaafar daripada Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang. Menurut beliau, bahawa mesyuarat Agung Khas boleh diadakan dengan memakai subperaturan b(2) dengan syarat Lemabaga mendapatkan kebenaran khas bertulis daripada Ketua Pendaftar terlebih dahulu tentang jumlah minimum kuorum yang hendak digunakan bagi tujuan meminda perlombagaan Undang-undang Kecil Koperasi Kedai Buku USM Berhad ini.

Hal-hal lain 13 Pengurus mengingatkan agar semua anggota hadir pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan untuk memenuhi syarat kuorum 2/3 daripada ahli Koperasi.

Mesyuarat di tangguhkan pada jam 5:00 petang.

LAMPIRAN B

Senarai angota-angota Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia yang hadir di Mesyuarat Agung Tahunan Ke-25 pada hari Isnin 23 Oktober 2000, Jam 3.00 petang, di Dewan Kuliah X Pusat Pengajian Sains Farmasi, Universiti Sains Malaysia.

BIL	NAMA	NO.AHLI	BIL	NAMA	NO.AHLI
1	YEOH ONN SENG	2	52	ASIAH BINTI PAKIR MOHAMMAD	1258
2	MUMDAS BEHAM BT. ABD. KARIM	12	53	CHONG CHON SING	1259
3	SHARIFAH FAZILAH BT. SYED ABD. RAHMAN	29	54	LEOW AH LET	1260
4	YVONNE ROSEMARY RASEN	32	55	TAN KOK NANG	1261
5	ARJAN SINGH S/O CHANAN SINGH	34	56	NG KAM HONG	1262
6	QUAH KUNG HAI	89	57	OH SENG YIN	1267
7	DATO' CHIN FOOK WENG	240	58	TAN LEAN KIM	1275
8	SURESH NAYARANAN	279	59	A MARIMUTHU A/L AYEROO	1282
9	RASHIDAH BEGUM BT. FAZAL MOHAMED	305	60	ZAINAB BT. ABU BAKAR MERICAN	1288
10	ABU BIN OTHMAN	379	61	ONG CHIN HWIE	1289
11	TAN HOCK CHAI	436	62	BURHANUDIN WAHI	1292
12	PROF. MADYA SARINGAT BIN HJ. BAEI @ BAI	455	63	CHOW CHENG POR	1294
13	PROF. MADYA AZMIN MOHD. NOR	462	64	YONG MEE NYOK	1296
14	RAMLI BIN ABDUL SAMAD	467	65	MAIMUNAH BINTI HASHIM	1298
15	ALICE OH SIEW LEE	508	66	TAN AH YOU	1301
16	LIM SUAN HEOH	639	67	CARMEN CHEAH GAIK IM	1302
17	PROF. MADYA ABD. WAHAB JUSOH	716	68	SITHAMPARAM A/L P SIDDALINGAM	1304
18	PROF. ZAKARIA BIN MOHD. AMIN	733	69	YEOH CHOOAN AUN	1306
19	PROF MOHD. SYUKRY SALLEH	786	70	TEH SIEW HONG	1307
20	PROF MASHUDI BIN KADER	821	71	MOHAMES ILLIAS BIN SHAHUL HAMID	1310
21	PROF MADYA ISMAIL BN OMAR	850	72	LOW WENG LENG	1322
22	YEOH HUCK SENG	858	73	KOAY SAW SEE	1325
23	MARIAM MERICAN	862	74	YEOH GUAT SIM	1326
24	MOHAMED NORDIN BIN ISMAIL	863	75	AMANULLAH BIN RAHMAN SHA	1334
25	JULIE CHUAH SUAN CHOO	1014	76	ISHAK ZAKARIA	1336
26	FATIMAH BT. ALI	1118	77	OTHUMAN MYDIN BIN ABDUL RAHMAN	1338
27	ZAINAL ABIDIN BIN ABD. AZIZ	1139	78	CHEW MUN WAI	1343
28	DR. LEONG FOOK	1155	79	TAN PAI LING	1345
29	YAP BER CHIN	1169	80	ASIAH BINTI SULAIMAN	1348
30	PROF. MAZNAH ISMAIL	1173	81	WONG YIONG BAT	1352
31	MOHD. ROSLI BIN MOHD. DIAH	1174	82	LOH KEAT LIN	1354
32	PROF. NG WAI KONG	1194	83	KHOO GUAT LOOI	1358
33	NG ENG HOCK	1207	84	MOLLY FLETCHER	1361
34	WOO KOK FAAT	1208	85	SABARIAH BINTI BAKAR	1363
35	KOAY BEAN HUAT	1209	86	MERYAM BTE RABU	1364
36	LIM CHIN POH	1210	87	LOW AH CHUAN	1371
37	TOH WENG TUCK	1212	88	HATIPAH BINTI BAKAR	1377
38	LEE TENG SWEE	1215	89	A RAHMAN BIN ISMAIL	1378
39	CHONG PENG KIAT @ CHONG SOH HAR	1216	90	TEOH SWEE LAN	1379
40	HENG SOO YOK	1220	91	THE GAIK LAN	1382
41	MD. YAAKOB BIN MD. YUSOF	1224	92	TAN SEOW PHENG	1385
42	CHUAH CHEW SENG	1228	93	CHUAH LIAN SIAH	1386
43	YEE CHIN LENG	1229	94	PROF. MADYA MANSOR AHMAD	1387
44	LEE CHOW YOONG	1233	95	INDRA DEVI A/P MYLVAGANAM	1391
45	ZAITUN BINTI ADNAN	1240	96	YEOH CHOOI SOON	1395
46	KOO SIEAK KOON	1241	97	WONG AH SEW	1401
47	SULAIMAN JAMALUDDIN	1244	98	ANTHONY DENIS	1402
48	WOO KOK PHENG	1253	99	PHOON SOOK CHING	1403
49	LOH KIM FOONG	1255	100	NOOR JAHAN BINT MYDIN	1404
50	TEOH OO SUAN	1256	101	AW YEONG CHOEK HOE	1406
51	NAIEMAH BINTI ZAINOR	1257	102	SITI AISHAH BINTI MOHD. NOOR	1412

BIL	NAMA	NO.AHLI	BIL	NAMA	NO
103	HAPISAH MAT	1414	155	LEE SIEW KIAN	
104	SALMIAH BINTI HAMID	1415	156	GHANI BIN SALLEH	
105	ANG FUEY PHAIK	1419	157	SALIM BIN MOHD. YUNOS	
106	NG CHEK WAN	1423	158	DR. FATIMAH BINTI SALLEH	
107	CLEMENT G D'SILVA	1424	159	AHMAD ALI BIN ABDULLAH	
108	SHARIFAH NOORAZAR BT. SYED SOFFI	1426	160	AINUDDIN BIN BAHARI	
109	PROF. MADYA THAM SOCK YING	1429	161	PROF. MADYA YVONNE TZE-FUNG TAN	
110	WONG PENG KIT	1431	162	AMIN RAZIP BIN HASSAN	
111	INTAN BINTI OSMAN	1433	163	JAMILAH BINTI HJ. IKHSAN	
112	CHE MERAH BINTI ISMAIL	1434	164	OSMAN BIN MOHAMAD	
113	ONG CHUN EE	1439	165	ZAINAB BINTI HASHIM	
114	MUN SOOK YI	1454	166	AMINAH BINTI ISMAIL	
115	SANTHUS STANLEY FRANCIS	1471	167	HABSAH @ FAWZIA BINTI DAWOOD	
116	SYED AHMAD SYED ABDUL MUFAZZAL	1476	168	PROF. MADYA SIBLY MAROS	
117	MOHD. AROP BIN HJ. SENAWI	1485	169	HABIBAH BINTI HJ. LATEH	
118	ABD. WAHAB BIN ABU HASSAN	1493	170	MD. NOOR BIN DIN	
119	LEE HOCK LEONG	1496	171	MOHD. MURAD BIN SHAHIRAN	
120	MOHD. IDRIS BIN SYED SULAIMAN	1500	172	DR. ABD. FATAH CHE HAMAT	
121	CHEE SAI GNOW	1501	173	ASMA BINTI AWIE	
122	LEE CHOOI WAN	1511	174	PROF. MADYA ABDULLAH BIN MAHMOOD	
123	ANNANDA SHANMUGAM A/L N S KANAPATHY	1522	175	MOHAMED FAISAL BIN ABD. KARIM	
124	KANTHASAMY A/L SUBRAMANIAM	1525	176	MOHD. JELANI BIN SH. MYDIN	
125	J BALAN A/L N T GOVINDARAJU	1530	177	NAZIRAH BINTI AHMAD AZLI	
126	SHARIFFUDIN BIN ABD. RAHIM	1531	178	SAKINABI BINTI MD. IBRAHIM	
127	NARHARI A/L THAKORLAL	1534	179	ROSLAN BIN HUSSAIN	
128	ABDUL MUTALIB BIN ISMAIL	1538	180	SUHAIMI BIN AHMAD	
129	SHAFII BIN AHMAD	1547	181	RAMLAH BINTI AHMAD	
130	VADIVEL MURUGIAN A/L S. RAMAKRISHNAN	1550	182	RAHMAH BINTI BAHAROM	
131	ROKIAH OMAR	1552	183	PROF. MADYA MOHAMAD SUHAIMI BIN JAAF	
132	TAN ENG GUAN	1651	184	ROZITA BINTI ILAMDIN	
133	SITI HAWA BINTI SALLEH	1654	185	KHOTIJAH BINTI MOHMUD	
134	SITI BALQIS SYED ALI	1655	186	JORIAH BINTI MUHAMMAD	
135	NG CHOON FOOK	1658	187	MAT JOHAR BIN ABDULLAH	
136	SUNGEB BIN HARUN	1662	188	ZURAIDAH BINTI ZABIDI	
137	TAN KENG SENG	1690	189	ZARINAH BINTI HASHIM	
138	ANAS BIN HASSAN	1696	190	KHADIJAH BINTI HJ. YUSOFF	
139	MOHAMMAD BIN DIN	1698	191	MOHD. MOKHTAR BIN ALI	
140	RAHMAH BINTI MAT ZIN	1704	192	ZURAIDAH BINTI ABDUL RAHMAN	
141	LIM BEE EAN	1727	193	PROF. MADYA ABDULLAH BIN EMBONG	
142	CHEAH TENG BOON	1809	194	ROHANA BINTI MAS'OD	
143	SADALI BIN OTHMAN	1825	195	PERBAGARAN A/L PEETIKA VALAPPIL	
144	ABIDIN SHAFIEE	1837	196	AHMAD FAUZI BIN ABDUL HAMID	
145	CHUAH SOON BEE	1876	197	MOHAMAD SHAFIEE BIN IBRAHIM	
146	PROF. BAHARUDDIN BIN SALLEH	1914	198	MARYPAN A/L K M MUTHU	
147	ABD. RAHNI MAT PIAH	1931	199	KANAGAIESPARY A/P GOVINDA RAJOO	
148	NOORANI AHMAD	1932	200	JABARULAKHAN BIN E S ISMAIL	
149	MOHD. RAZIP BIN SAMIAN	1956	201	AHMAD RAMLI BIN SAAD	
150	SITI NURDIJADI BAHARUDIN	1990	202	HASBALAILA BINTI ALIAS	
151	ZURIDA BINTI ISMAIL	2013	203	KOH KAR MEOW	
152	CHE NORMA BINTI BAHARI	2184	204	BALA A/L SAMY	
153	PROF. MADYA NORHAYATI BINTI ISMAIL	2199	205	ROSHIDA BINTI MOHAMAD	
154	LEE BECK SIM	2226	206	ZAKARIA BIN KASSIM	

## AGENDA 3.1

### LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TEMPOH 1 MEI 2000 - 30 APRIL 2001

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Ke-26 kepada anggota-anggota Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad.

#### Lembaga Pengarah

Dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 10 November 2000, selepas Mesyuarat Agung Tahunan 2000, anggota-anggota berikut telah dipersetujui memegang jawatan-jawatan berkenaan:-

Pengerusi	:	Profesor Madya Mohamad Suhaimi Jaafar
Naib Pengerusi	:	Profesor Abdul Ghani Salleh
Setiausaha	:	Puan Rashidah Begum
Bendahari	:	Tuan Haji Salim Haji Mohd Yunos
Anggota-anggota	:	Encik Ainuddin Bahari
	:	Puan Joriah Muhammad
	:	Profesor Madya Dr Azmin Mohd Noor
	:	Profesor Ng Wai Kong
	:	Y. Bhg. Dato' Senator Chin Fook Weng

Lembaga seterusnya telah melantik anggota-anggota berikut untuk menganggotai Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil:-

#### (a) Jawatankuasa Kecil Sumber Manusia

Pengerusi :	Profesor Madya Mohamad Suhaimi Jaafar
Setiausaha:	Encik Muhammad Amran Abdul Aziz
Ahli :	Profesor Abdul Ghani Salleh
	Puan Rashidah Begum
	Tuan Haji Salim Haji Mohd. Yunos
	Puan Joriah Muhammad
	Profesor Madya Dr Azmin Mohd Noor

#### (b) Jawatankuasa Kecil Kedai Buku

Pengerusi :	Profesor Ghani Salleh
Setiausaha:	Encik Muhammad Amran Abdul Aziz
Ahli :	Encik Nasiri Kembuong
	Profesor Ng Wai Kong
	Puan Rashidah Begum

(c) Jawatankuasa Kecil Kedai Mahasiswa

Pengerusi : Puan Joriah Muhammad  
Setiausaha: Encik Supuan Saharudin  
Ahli : Y. Bhg. Dato' Senator Chin Fook Weng  
: Tuan Haji Salim Haji Mohd Yunos  
: Profesor Madya Dr Azmin Mohd Noor

(d) Jawatankuasa Kecil Kedai Farmasi

Pengerusi : Profesor Madya Dr Azmin Mohd Noor  
Setiausaha: Pn Janice Chiu Dong Fuh  
Ahli : Dr Norhayati Ismail  
: Dr Pek Kok Kiang  
: Cik Yvonne Tan  
: Puan Yusrida Darwis  
: Profesor Madya Saringat Haji Baie  
: Encik Yahaya Hassan

(e) Jawatankuasa Kecil Kewangan

Pengerusi : Tuan Haji Salim Haji Mohd Yunos  
Setiausaha: Encik Osman Mat Zain  
Ahli : Encik Ainuddin Bahari  
: Profesor Zakaria Mohd. Amin  
: Puan Lee Chow Yoong  
: Puan Nor Jahan Mydin  
: Profesor Ng Wai Kong

(f) Jawatankuasa Kecil Perkembangan Aktiviti Perniagaan dan Pelaburan

Pengerusi : Encik Ainuddin Bahari  
Setiausaha: Encik Nasiri Kembuong  
Ahli : Profesor Abdul Ghani Salleh  
: Puan Joriah Muhammad  
: Profesor Ng Wai Kong  
: Y. Bhg. Dato' Senator Chin Fook Weng

## **MESYUARAT LEMBAGA**

Lembaga Pengarah telah mengadakan mesyuarat sebanyak (8) kali sepanjang tahun tempoh laporan ini, iaitu pada tarikh-tarikh berikut:-

10 Mei 2000, 20 Julai 2000, 9 September 2000, 10 November 2000, 4 Januari 2001,  
26 Februari 2001, 15 Mac 2001, 10 April 2001.

Anggota-Anggota Lembaga telah menunjukkan keprihatinan dan tanggungjawab dengan kehadiran pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dan anggota-anggota telah mengambil bahagian yang cergas dalam membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan dan pengembangan Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad

## **JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik semasa Mesyuarat Agung Tahunan ke-25

Puan Lee Chow Yoong

Puan Nor Jahan Mydin

Profesor Zakaria Mohd. Amin

## **JURUAUDIT LUAR**

Tetuan Al-Jefri & Co. telah dilantik sebagai Juruaudit Luar Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad bagi tempoh laporan ini sebagaimana yang telah diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-25.

## **KEANGGOTAAN**

Bilangan anggota bagi tahun 2000 ialah 557 orang. Anggota-anggota baru yang diterima sehingga berakhir 30 April 2001 ialah seramai 60 orang manakala anggota yang berhenti adalah seramai 5 orang menjadi bilangan bersih anggota berakhir pada 30 April 2001 seramai 617 orang.

Modal syer Koperasi Kedai Buku sehingga 30 April 2001 ialah sebanyak RM 152,723.00 berbanding dengan RM 70,908.00 bagi April 2000.

## **KEMAJUAN**

Jumlah jualan meningkat bagi tempoh laporan 2000/2001 iaitu sebanyak RM 7,841,465.06 berbanding dengan RM 6,803,106.00 bagi tahun 1999/2000, iaitu peningkatan sebanyak RM 1,038,359.06 atau 15.27%. Keuntungan bersih telah meningkat dari RM 157,610.00 ke RM 421,499.00 iaitu peningkatan 167.44%.

Beberapa usaha telah dijalankan di dalam meningkatkan dan memperluaskan perkhidmatan dan perniagaan Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad. Kedai Buku telah cuba mempertingkatkan daya saing dengan menyusun semula struktur perjawatan, carta organisasi dan sistem kerja. Selain itu proses komputerisasi

yang menghubungkan antara unit pesanan, penerimaan, POS, jualan kredit, pemulangan dan akaun sudah siap 80%. Dijangkakan perkhidmatan Kedai Buku akan menjadi lebih efisyen apabila sistem tersebut dapat digunakan sepenuhnya. Kedai Mahasiswa pula telah mengambil tindakan untuk mempelbagaikan jenis barang yang dijual pada kadar yang setanding atau lebih rendah daripada pasaran luar. Cawangan Kedai Mahasiswa di Transkrian dijangkakan dapat membantu memberikan kemudahan runcit kepada pelajar dan staf USM di sana. Pusat Farmasi telah menjadi popular di kalangan sesetengah golongan. Pelajar PP JJ misalnya, tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan bekalan ubatan dan vitamin tertentu kerana harga yang lebih murah daripada farmasi luar.

### **STAF**

Pada April 2001 bilangan staf ialah seramai 37 orang. 4 daripadanya adalah terdiri daripada staf pengurusan, 4 orang adalah dalam kumpulan eksekutif dan 29 adalah terdiri daripada staf sokongan.

### **PENGHARGAAN**

Lembaga Pengarah ingin mengucapkan terima kasih kepada yang berikut:-

- a) Naib Canselor Universiti Sains Malaysia yang telah memberi sokongan yang sepatutnya.
- b) Anggota-anggota Lembaga yang bersara, di atas sumbangan mereka.
- c) Jawatankuasa Audit Dalam di atas teguran, cadangan dan pandangan mereka.
- d) Dekan/Pengarah/Penyelaras Pusat-Pusat Pengajian, Ketua Jabatan dan Staf Universiti Sains Malaysia di atas kerjasama dan sokongan mereka.
- e) Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang di atas kerjasama dan nasihat mereka
- f) Staf Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad kerana menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh dedikasi dan minat, dan
- g) Mereka yang lain yang telah memberi apa-apa juga bantuan dan kerjasama.

**Bagi Pihak Lembaga Pengarah**

**(PUAN) RASHIDAH BEGUM**

## AGENDA 3.2

### LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM BAGI TEMPOH 1 MEI 2000 - 30 APRIL 2001.



Tuan Hj. Salim Mohd. Yunos  
Bendahari Lembaga Pengarah  
Koperasi Kedai Buku USM Berhad  
Universiti Sains Malaysia

8 Oktober 2001

Tuan,

#### LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

Pada menjalankan kuasa seperti diberi dalam Bahagian V, Seksyen 51 Undang-undang Kecil 1995, Koperasi Kedai Buku USM Berhad, kami melaporkan bahawa kami telah pun melakukan beberapa lawatan ke pejabat Koperasi Kedai Buku USM Berhad dan kedai-kedainya serta memeriksa akaun-akaun Koperasi Kedai Buku USM Berhad dengan sewajarnya.

Sehubungan itu kami perturunkan pandangan kami seperti berikut :

"Tertakluk kepada laporan-laporan Jawatankuasa Audit Dalaman serta perkara-perkara yang tersebut dalam Laporan Kewangan dan Akaun Koperasi Kedai Buku USM Berhad sehingga 30 April 2001, kami berpendapat bahawa keseluruhannya hal ehwal Koperasi telah dijalankan mengikut matlamat penubuhan Undang-undang Kecil berkenaan serta keputusan Mesyuarat Agung"

Sekian, terima kasih.

Kami yang menjalankan tugas,

Norjahan  
( Puan Nor Jahan Mydin )

Lee Chow Yong  
( Puan Lee Chow Yong )

Zakaria M  
( Profesor Zakaria Mohd Amin )



**JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI MALAYSIA  
(KEMENTERIAN TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI)  
BAHAGIAN AUDIT DAN AKAUN  
TINGKAT 16 & 17, BANGUNAN DATO ZAINAL  
(MINI TAKAFUL)  
NO. 23, JALAN MELAKA  
50608 KUALA LUMPUR**

**AGENDA 3.3**

Telefon : 03 - 2939970  
Fax : 03 - 2942569  
Kawat : KOPERASI

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : BIL.JPK(AUDIT)IP:  
PP-49/3165/5 Jld.2/(38)

Tarikh :

23 NOV 2000

Anggota-anggota Koperasi,  
Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Gelugor  
**PULAU PINANG**

Anggota-anggota Koperasi,

**PANDANGAN KETUA PENDAFTAR KE ATAS AKAUN  
KOPERASI BERAKHIR PADA 30 APRIL 2000**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa Akaun Koperasi yang diaudit oleh Firma Juruaudit Aljeffri & Co. telah diterima pada 6 September 2000.

2. Berpandukan kepada peruntukan Seksyen 59(2) Akta Koperasi 1993, pandangan-pandangan Ketua Pendaftar ke atas Akaun tersebut adalah seperti berikut:-

**(a) Modal Syer Anggota Yang Berhenti (Nota11)**

Diperhatikan tunggakan pembayaran modal syer anggota yang berhenti masih berbaki RM 8,481.00 pada tahun 2000. Pihak pentadbir koperasi hendaklah mengambil tindakan segera bagi mengembalikan modal syer tersebut kepada bekas anggota yang berkenaan dan sekiranya penyelesaian tidak dapat dibuat maka butiran ini hendaklah diuruskan di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965. Adalah disarankan, pada masa hadapan setiap anggota yang berhenti dalam tahun hendaklah dibuat pengembalian modal syer masing-masing dengan segera bagi mengelakkan pembayaran tidak dapat dilakukan kerana bekas anggota tidak dapat dikesan. Pandangan Ketua Pendaftar tahun 1999 adalah juga dirujuk.

## KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD

Pandangan Ketua Pendaftar Ke Atas Akaun  
Koperasi Berakhir Pada 30 APRIL 2000

### (b) Pelbagai Penghutang -(Nota 18)

Didapati bagi tahun ini, butiran pelbagai penghutang bagi Kedai Mahasiswa telah meningkat kepada RM102,436.97 berbanding RM 96,946.97 pada tahun sebelumnya yang juga merupakan amaun yang tidak mengalami sebarang pergerakan sejak tahun 1998. Pihak pentadbir koperasi hendaklah berusaha mengutip kembali amaun tersebut daripada penghutang-penghutang yang berkenaan kerana ia melibatkan amaun yang agak besar. Sekiranya usaha untuk mengutip kembali hutang-hutang tersebut gagal maka peruntukan hutang waham yang secukupnya hendaklah dibuat pada tahun hadapan bagi menggambarkan kedudukan sebenar Akaun Pelbagai Penghutang. Laporan Pengurusan Juruaudit di para 3 adalah dirujuk.

### (c) Pelupusan Stok Perniagaan (RM 111,380.01)

Diperhatikan pihak koperasi telah menghapuskan stok perniagaan bernilai RM 111,380.01 iaitu peningkatan sebanyak 364% daripada tahun 1999. Walaupun ianya merupakan amalan biasa dalam perniagaan namun jumlah yang tinggi ini perlu diambil perhatian oleh pihak pentadbir. Didapati penghapusan ini telah menanggung sebanyak 15% dan 6.2% daripada jumlah perbelanjaan untuk kedai buku dan Farmasi yang sepatutnya secara tidak langsung keuntungan koperasi. Sistem pengurusan stok yang digunakan iaitu FIFO adalah sistem yang baik untuk mengurangkan pelupusan stok. Oleh itu adalah disyorkan pihak pentadbir mengkaji dan merancang pembelian stok kerana dikhuatiri stok yang lambat bergerak boleh menjadi salah satu faktor utama pelupusan stok. Disamping itu sistem susunan stok boleh memainkan peranan dalam meningkatkan pelupusan. Diharap pihak pentadbir bertindak segera bagi menangani masalah ini.

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD

Pandangan Ketua Pendaftar Ke Atas Akaun  
Koperasi Berakhir Pada 30 APRIL 2000

3. Pandangan-pandangan tersebut di atas hendaklah dibentangkan bersama-sama dengan Akaun dan Kunci Kira-Kira di dalam Mesyuarat Agung Koperasi.

Sekian.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,  
**( OSMAN H.J. ISMAIL )**  
b.p. Ketua Pendaftar Koperasi-Koperasi,  
Malaysia.

s.k.

Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, Kuala Lumpur.  
Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang  
Ketua Bahagian Audit Negeri Pulau Pinang  
Penolong Pengarah Wilayah/Daerah Pulau Pinang  
Firma Juruaudit Aljeffri & Co.



## AGENDA 4

### MEMBENTANG DAN MELULUSKAN LAPORAN KEWANGAN DAN AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 30 APRIL 2001

KANDUNGAN	MUKASURAT
Laporan Juruaudit Luar	28
Laporan Berkanun Lembaga	30
Kunci Kira-kira Pada 30 April 2001	32
Akuan Pembahagian Keuntungan	33
Penyata Pendapatan	34
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	40
Penyata Aliran Tunai	41
Nota-nota Kepada Akaun	42

Penyata akhir ini adalah hasil kerjasama dan tindakam pengurusan antara ahli eksekutif dan ahli kewangan dan teknikal yang termasuk dalam komittee kewangan dan teknikal yang bertanggungjawab mengawal dan memantau operasi dan kelebihan dan kekurangan dalam pengurusan akademik dan teknikal. Penyata akhir ini merupakan hasil kerjasama dan kesepakatan antara ahli eksekutif dan ahli kewangan dan teknikal dan penyata ini adalah hasil kerjasama dan kesepakatan antara ahli eksekutif dan ahli kewangan dan teknikal.

Kayti mengucapkan terima kasih kepada ahli kewangan dan teknikal yang turut berjaya dalam penyata akhir ini.

Penyata akhir ini adalah seperti berikut:

a) Penyata akhir ini adalah hasil kerjasama dan kesepakatan antara ahli eksekutif dan ahli kewangan dan teknikal di UKM oleh Dr. Mohd Razali (2001).

b) Penyata akhir ini adalah hasil kerjasama dan kesepakatan antara ahli eksekutif dan ahli kewangan dan teknikal di UKM oleh Dr. Mohd Razali (2001).

ACENDYA

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DAN AKUAN BAGI

Pendengar: Nama Pendaftar: No. Telefon: Nombor Rekod: Tarikh: 30 APRIL 2001

MEWBENTING DAN MELULUSKAN LAPORAN KEWANGAN DAN AKUAN BAGI

TAHUN BERAKHIR 30 APRIL 2001

KANDUNGAN

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN DAN AKUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 30HB APRIL, 2001

Kunci Kita-Kita pada 30 April 2001

Akuan Remaja dan Keupayaan

Perkhidmatan Perundisian

Perkhidmatan Akaun Jualan

Perkhidmatan Pendapatan

Perkhidmatan Pengeluaran

**KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD**  
(Ditubuhkan dibawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN JURUAUDIT**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 30HB APRIL, 2001**  
Kepada :

Ketua Pendaftar Koperasi,  
Anggota-anggota Koperasi Kedai Buku  
Universiti Sains Malaysia Berhad

Tetuan,

Kami telah mengaudit akaun-akaun Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad yang mengandungi Kunci Kira-Kira dan Nota-nota kepada akaun seperti pada 30hb April 2001 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut kehendak Seksyen 63(2), (3) dan (5) Akta Koperasi 1993.

Penyediaan penyata kewangan adalah tanggungjawab pihak Koperasi dan tanggungjawab kami adalah untuk memberi pendapat ke atasnya berdasarkan pengauditan yang kami jalankan.

Kami telah menjalankan pengauditan berdasarkan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Piawaian-piawaian ini mengkehendaki kami merancang dan menjalankan pengauditan untuk memperolehi semua maklumat dan penjelasan, yang kami rasakan perlu, untuk memperolehi bukti-bukti yang mencukupi dan memberi keyakinan munasabah bahawa penyata kewangan tidak mengandungi sebarang kesalahan yang ketara. Dengan menjalankan ujian-ujian, pengauditan kami termasuk memeriksa bukti-bukti berkaitan ke atas jumlah-jumlah dan penzahiran di dalam penyata kewangan tersebut. Pengauditan kami juga meliputi penilaian ke atas dasar-dasar perakaunan dan anggaran-anggaran penting yang diamalkan oleh pengarah-pengarah dan menilai keberkesanan persembahan maklumat di dalam penyata kewangan.

Kami mempercayai bahawa pengauditan tersebut menjadi asas kepada pendapat kami.


Pandangan-pandangan kami adalah seperti berikut :-

- a) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang disimpan telah diselenggarakan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun ini adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi.

- c) Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas Koperasi adalah munasabah.
- d) Penyata Kewangan yang disediakan mengikut kos sejarah adalah menurut piawaian perakaunan antarabangsa yang diluluskan dan mematuhi Akta Koperasi 1993 untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang transaksi-transaksi kewangan dan kedudukan hal ehwal Koperasi pada 30hb April 2001 dan keuntungan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.



**ALJEFFRI & CO.  
AKAUNTAN AWAM (MALAYSIA)  
NO. FIRMA : AF 0277**



**DATO' SYED AMIN ALJEFFRI  
NO. KELULUSAN : 703/6/02 (J/PH)  
NO. JURUAUDIT : JPK (B) 0008**

KUALA LUMPUR

TARIKH : **06 SEP 2001**

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD  
(Ditubuhkan dibawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA

MENGIKUT SEKSYEN 59(1) (C ) AKTA KOPERASI 1993

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 30hb April 2001.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993, kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa :

- a) Koperasi telah menghapuskira stok perniagaan berjumlah RM73,922.92 (2000: RM111,380.01) daripada menghapuskira pengutang perniagaan berjumlah RM75,875.26 (2000: RM128,611.49). Selain daripada perkara di atas, perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara yang abnormal mengikut takrif Seksyen 59(4).
- b) Koperasi akan mengeluarkan dividen atas kadar 10% berjumlah RM8,840.30 (2000: 100%, RM 39,255.00) dalam tahun ini di atas modal syarikat anggota sebanyak RM88,403.00 pada 31hb Oktober 2000. Kelulusan pembayaran dividen 100% pada tahun 2000 telah diperolehi daripada Ketua Pendaftar pada 17hb Januari 2001.
- c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai asset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- d) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh Penyata Pendapatan, tiada liabiliti kontingen yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan.
- e) Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah asset semasa yang ditunjukkan di dalam Kunci Kira-kira adalah munasabah.

**PROFESSOR MADYA MOHAMAD SUHAIMI BIN JAAFAR**  
PENGURUS  
**RASHIDAH BEGUM BINTI FA ZAL MOHD SETIAUSAHA**

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan sepertimana yang dikehendak Seksyen 59(3) Akta Koperasi 1993.

**PROFESOR MADYA MOHAMAD SUHAIMI  
BIN JAAFAR**  
PENGURUSI

**RASHIDAH BEGUM BINTI FA ZAL MOHD  
SETIAUSAHA**

**HAJI SALIM BIN MOHD YUNOS**  
BENDAHARI

PULAU PINANG

TARIKH: 06 SEP 2001

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan dibawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 30HB APRIL, 2001

		NOTA	2001 RM	2000 RM
MODAL SYER ANGGOTA		3	152,723.00	70,908.00
PELBAGAI KUMPULAN WANG		4	193,478.99	193,478.99
KEUNTUNGAN TERKUMPUL			2,152,309.90	1,838,531.90
KUMPULAN WANG RIZAB		5	553,972.56	503,392.61
KUMPULAN WANG ANGGOTA			3,052,484.45	2,606,311.50
PINJAMAN TIDAK BERCAGAR		6	33,500.00	51,500.00
PEMIUTANG SEWA BELI		7	32,119.85	19,916.86
<b>LIABILITI SEMASA</b>				
Bank overderaf		8	-	191,280.35
Simpanan khas anggota		9	22,019.30	22,019.30
Pemutang sewa beli		7	12,533.16	7,966.56
Pemutang perniagaan		10	1,636,947.39	1,062,421.95
Pelbagai pemutang, bayaran terakru dan peruntukan		11	65,665.39	55,872.42
Cadangan dividen		12	8,840.30	3,925.50
			1,746,005.54	1,343,486.08
			4,864,109.84	4,021,214.44
<b>ASET TETAP</b>		13	278,823.51	167,612.63
PELABURAN DALAM SYER TAK SIAR HARGA		14	17,434.00	15,100.00
<b>ASET SEMASA</b>				
Stok		15	2,329,895.23	2,009,247.46
Penghutang perniagaan		16	1,385,474.96	1,045,973.59
Pelbagai penghutang, cagaran dan bayaran terdahulu		17	137,229.92	229,808.89
Simpanan tetap		18	462,259.71	448,303.31
Wang di tangan dan di bank		19	252,992.51	105,168.56
			4,567,852.33	3,838,501.81
			4,864,109.84	4,021,214.44

Sila lihat nota-nota yang mengiringi akaun ini.

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan dibawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 30HB APRIL, 2001

	NOTA	2001 RM	2000 RM
<b>KEUNTUNGAN BERSIH DALAM TAHUN</b>		421,499.60	157,610.69
Tolak :			
<b>PEMBAHAGIAN BERKANUN</b>			
12% pindahan ke Kumpulan Wang Rizab	5	(50,579.95)	(18,913.28)
2% sumbangan ke Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	11	(8,429.99)	(3,152.21)
1% sumbangan ke Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi	11	(4,215.00)	(1,576.11)
		(63,224.94)	(23,641.60)
<b>KEUNTUNGAN BERSIH DALAM TAHUN SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN DAN CUKAI</b>		358,274.66	133,969.09
<b>KEUNTUNGAN TERKUMPUL BAWA KE HADAPAN :</b>			
- seperti dinyatakan sebelumnya		1,838,531.90	1,721,752.35
- pelarasan tahun lalu :			
- Kumpulan Wang Amanah Pendidikan (terkurang) / terlebih peruntukan tahun lalu	11	(326.86)	6,935.96
- Dividen terkurang peruntukan tahun lalu	12	(35,329.50)	(20,200.00)
- seperti dinyatakan semula		1,802,875.54	1,708,488.31
		2,161,150.20	1,842,457.40
Tolak :			
<b>PEMBAHAGIAN DICADANGKAN</b>			
Dividen dicadangkan	12	(8,840.30)	(3,925.50)
<b>KEUNTUNGAN TERKUMPUL DIHANTAR KE HADAPAN</b>		2,152,309.90	1,838,531.90

Sila lihat nota-nota yang mengiringi akaun ini.

**KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD**

(Ditubuhkan dibawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA PENDAPATAN**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 30HB APRIL, 2001**

		2001 NOTA	2000 RM
10,820,988	60,000,578		
<b>JUALAN</b>	<b>08,335,81</b>		
52,189.85	08,856.6		
Tolak :	31,488.85		
<b>KOS BARANG-BARANG JUALAN</b>			
